

Artikel

Pemikiran dan Perjuangan Ebit Irawan Bin Ibrahim Lew Dalam Dakwah Saudara Baru Di Malaysia
(*The Thoughts and Struggles of Ebit Irawan Bin Ibrahim Lew in the Preaching of the Revert in Malaysia*)

Kartina Sari Abd Karim & Muhammad Azizan Sabjan*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: mazizan@usm.my

Diserah: 23 Mei 2023

Diterima: 13 Jun 2023

Abstrak: Istilah saudara baru tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Mereka merupakan kelompok minoriti yang wajar diberikan keutamaan dalam agenda dakwah tanah air dengan meraikan segala perbezaan budaya dan bahasa pertuturan. Usaha dakwah yang terhad ditambah pula dengan sikap sambil lewa majoriti masyarakat Islam sedia ada yang sengaja meremehkan kewajipan berdakwah ke atas masyarakat bukan Islam khususnya amat membimbangkan. Justeru, kajian ini menyelidiki konsep pemikiran dan perjuangan dakwah Ebit Lew terhadap saudara baru di negara kita. Ketokohan beliau dalam dakwah saudara baru dikenal pasti dan diselidiki di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi ketika menjalankan dakwah. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis dapatan data primer dan sekunder secara diskriptif. Hasil penyelidikan mendapati usaha dakwah beliau cukup membantu golongan agamawan dan ilmuan. Tegasnya, gerakan dakwah beliau terhadap golongan saudara baru wajar diteladani dan diambilkira sebagai suatu revolusi dakwah yang amat realistik untuk terus dibangunkan dalam masyarakat majmuk di negara ini. Sepatah

Kata kunci: pemikiran; perjuangan; dakwah; saudara baru; majmuk

Abstract: The term reverted is well known to the multiracial community in Malaysia. They are a minority group that should be given priority in the country's preaching agenda by celebrating all cultural differences and spoken languages. The limited preaching efforts coupled with the careless attitude of the majority of the existing Muslim community, who deliberately underestimate the duty of preaching to the non-Muslim community in particular, is very worrying. Therefore, this study investigates the concept of Ebit Lew's thoughts and struggles in preaching the revert in our country. His prominence in the preaching of the reverted is known for sure and investigated despite the various challenges faced when carrying out preaching. The study employs a qualitative method of analyzing primer and seconder data descriptively. The finding shows that his efforts in preaching are of assistance to religious people and scholars. In a strict sense, his preaching movement towards the revert should be emulated and considered a realistic preaching revolution to be continuously developed in a pluralistic society in this country.

Keywords: thoughts; struggles; preaching; revert; plural society

Pendahuluan

Dari sudut bahasa, kalimah dakwah merupakan perkataan Bahasa Arab yakni دعوة yang berasal dari akar kata دعا, يدعو dan دعوة yang bermaksud seruan, panggilan dan undangan (Zaidan, 1992). Oleh itu, dakwah dapat diertikan dengan ajakan atau jemputan bagi memenuhi sesuatu tujuan dan bersesuaian dengan maksud dakwah itu sendiri yang merupakan sejenis kata kerja (اسم الفاعل) seperti firman Allah SWT berikut:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ۝۳۳

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan mengerjakan kebajikan dan berkata, “Sungguh, aku termasuk orang-orang muslim (yang berserah diri)?”

(Surah Fussilat, 41:33)

Dari sudut istilah pula dakwah merupakan suatu seruan ke jalan Allah SWT (Aziz, 2004). Takrifan ini dapat difahami melalui tadabbur ayat di bawah:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ ۝۱۸۶

Maksudnya: “Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Aku, maka sesungguhnya Aku dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Hendaklah mereka itu memenuhi (perintah)-Ku dan beriman kepada-Ku, agar mereka memperoleh kebenaran.”

(Surah Al-Baqarah, 2:186)

Justeru itu, dakwah ialah suatu ajakan kepada agama Islam yang wajib dilaksanakan bagi menyeru kepada keimanan yang sebenarnya (Mohd Zin, 2005). Dakwah terhadap masyarakat Cina, India, kaum peranakan serta suku kaum di Sabah dan Sarawak merupakan suatu rangka dakwah saudara baru di Malaysia. Menurut Anuar Puteh (2005), saudara baru ditakrifkan sebagai mereka yang telah mengucapkan lafaz syahadah dan harus dibimbing dan diberikan perhatian oleh saudara muslim yang bertauliah. Dalam bahasa mudah, saudara baru ialah orang yang baru memeluk Islam. Saudara baru juga dikenali sebagai muallaf (al-Jurdani, 1990) seperti yang termaktub dalam ayat berikut: surah Al-Taubah (9) ayat 60:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۝۶۰ ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah, dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajipan daripada Allah. Allah Maha Mengetahui, Maha Bijaksana”.

(Surah Al-Taubah, 9:60)

Walaupun terdapat pelbagai persepsi masyarakat terhadap penggunaan istilah saudara baru dan muallaf (al-Jurdani, 1990), namun tiada yang dapat membezakan seseorang melainkan ketakwaan. Kehadiran saudara baru dalam masyarakat muslim sedia ada menjadi petanda yang baik bahawa usaha dakwah di negara kita perlu digiatkan dan diperluaskan dari semasa ke semasa.

Salah seorang tokoh yang giat membantu para muallaf ialah Ebit Irawan bin Ibrahim Lew (Hanapiah, 2020). Ebit Lew dipilih dalam kajian ini kerana beliau merupakan seorang pendakwah yang sangat berpengaruh di Malaysia malah terkenal sebagai seorang aktivis masyarakat yang paling menonjol dalam perjuangannya memberikan sumbangan terhadap saudara baru, golongan asnaf, gelandangan, pelacur, golongan LGBT, penagih dadah dan sebagainya. Beliau juga merupakan seorang penulis dan pengarang yang prolific dalam menyebarkan dakwah Islam dengan berpaksikan sudut pemikiran beliau yang kreatif dan berwawasan. Perjuangan beliau bukanlah sesuatu yang mudah dan bukan semua orang mampu berkorban seperti yang dilakukan oleh beliau. Beliau menjalankan gerak kerja dakwah dengan penuh tekanan, kecaman dan ancaman daripada beberapa pihak yang berkepentingan.

Beliau merupakan seorang tokoh pendakwah bebas yang tidak asing lagi dalam dakwah saudara baru di Malaysia. Selain berkecimpung dalam bidang dakwah, beliau juga terkenal selaku perunding motivasi, personaliti media, penulis, usahawan, dermawan dan aktivis masyarakat yang terkenal di Malaysia. Beliau telah bergiat aktif dalam lapangan dakwah sejak berumur 12 tahun. Kehadiran beliau dalam misi dakwah saudara baru telah mencetuskan gerakan transformasi dalam dunia dakwah Islam. Pemikiran dakwah Ebit Lew banyak menyumbang kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Penglibatan beliau dalam dakwah saudara baru telah menonjolkan ketokohan beliau sebagai seorang pendakwah yang amat disegani. Tuntasnya, perjuangan Ebit Lew yang kini menjadi tumpuan masyarakat dan pemimpin negara

malah membuka suatu dimensi yang baru tentang dakwah amat perlu diketengahkan dalam lapangan ilmiah dunia dakwah Islam.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai pendekatan dakwah saudara baru telah banyak dibincangkan. Berikut ialah antara tinjauan ringkas literatur yang relevan dengan pemikiran dan perjuangan Ebit Lew dalam menyampaikan dakwah sama ada terhadap saudara baru mahupun golongan yang bergelar asnaf.

Kajian Abdullah (2011) yang bertajuk *Pemikiran dan Perjuangan Dakwah Hamka dan M. Natsir: Kajian Terhadap Dakwah Kultural dan Struktural* membincangkan tentang konsep dakwah Islam. Setiap umat Islam diwajibkan untuk mengajak dan menyampaikan kebaikan yang datang daripada Allah SWT supaya nilai-nilai Islam dapat dipupuk dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Para nabi dan rasul telah sekian lama menyampaikan risalah dakwah dan kini menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk menyambung misi kenabian tersebut. Pembangunan konsep dakwah perlulah berasaskan konsep kultural dan struktural di mana dakwah Islam bukan setakat selari dengan kemajuan zaman malah berkembang melalui organisasi Islam yang terancang.

Kajian yang bertajuk “Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan” telah dijalankan oleh Burhanuddin Jalal et al. (2018). Hasil penyelidikan mereka mendapati bahawa terdapat beberapa isu dalam melaksanakan dakwah Islamiah antaranya para pendakwah hanya menyebarkan ajaran Islam tanpa melakukan penilaian lanjut mengenai keberkesanan dakwah yang disampaikan terhadap golongan sasaran yang mempunyai kepelbagaian budaya, latar belakang dan masalah. Kurangnya penguasaan kemahiran berdakwah pada alaf baru menjadi cabaran kepada para pendakwah untuk menarik golongan muda. Penyampaian dakwah yang malar dan bersifat konvensional menyukarkan kejayaan dakwah secara menyeluruh dan lebih mendukacitakan apabila ianya hanya menjadi slot-slot sampingan untuk sesuatu majlis atau sambutan.

Abdul Rahman Talib (2019) dalam penulisannya mengenai asnaf mendapati terdapat ketidakseragaman dalam menetapkan kadar had kifayah (had keupayaan ekonomi) seseorang individu dan tanggungannya memandangkan pengurusan zakat ditadbir secara berasingan antara negeri-negeri. Perbezaan kadar sara hidup antara negeri di Malaysia juga mempengaruhi kaedah pengiraan had kifayah dalam menilai kemiskinan.

Dayang Shobihah Abang Abai (2020) telah membuat kajian mengenai bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia. Menurut beliau, bantuan produktif yang disediakan oleh institusi zakat dalam bentuk modal atau peralatan dapat membantu golongan asnaf menjana sumber pendapatan melalui bidang perniagaan. Namun, institusi zakat masih dianggap lemah dalam menangani masalah kemiskinan dalam masyarakat berikutan sistem pengagihan wang zakat yang tidak efisien dan kurangnya pemantauan yang berskala dan sistematik. Kesannya, usahawan asnaf sekadar menerima bantuan sebagai belas ihsan semata-mata dan tidak mampu keluar daripada kemiskinan.

Metodologi

Penulisan ini bertujuan untuk memfokus dan membincangkan mengenai pemikiran dan perjuangan Ebit Lew terhadap golongan saudara baru di negara ini. Metod kajian yang digunakan ialah kajian yang berbentuk kualitatif. Ia merujuk kepada metode analisis kandungan yang antaranya menganalisis karya dan penulisan Ebit Lew, mengkaji sumber media massa, sosial media dan sebagainya. Pengumpulan data melalui analisis kandungan (Jasmi, 1984) dapat memberi maklumat yang relevan kepada pemikiran dan perjuangan Ebit Lew terhadap golongan saudara baru di negara ini. Perbincangan turut diolah mengenai sejauhmana langkah beliau dapat dicerap dalam bentuk dakwah bukan sahaja terhadap golongan saudara baru malah terhadap semua golongan tanpa mengira bangsa dan agama di Malaysia ini

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Kehidupan Ebit Lew

Ebit Lew atau nama asalnya Lew Yun Pau dilahirkan pada 21 Disember 1984 dan berasal dari Muadzam Shah, Pahang Darul Makmur. Beliau merupakan anak kesepuluh daripada dua belas orang adik-beradik. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Ridan, Muadzam Shah dari tahun 1991 hingga tahun 1996. Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Ridan selama tiga tahun sebelum berpindah ke Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sana. Pada tahun 2002 dan 2003 beliau meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahman Talib, Kuantan (Hanapiah, 2020). Sesudah itu, Ebit Lew melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Kemanusiaan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Ebit Lew sering menjadi panel jemputan di beberapa slot agama dan motivasi di saluran radio IKIM FM melalui slot Motivasi Pagi, Islam Agamaku, Usrah Nurani dan Islam Itu Indah dan di SINAR FM dalam rancangan Pagi Di Sinar. Beliau juga terlibat aktif dalam rancangan televisyen melalui program Semanis Kurma (TV9), Al-Kulliyah (TV3) serta menerajui rancangan beliau sendiri iaitu Door to Door Ebit Lew dan Jejak Ebit Lew (Astro Oasis) dan sebuah lagi rancangan temu bual, *A Bit with Ebit* (TV Alhijrah). Minat beliau dalam bidang penulisan dakwah mendorong beliau menjadi panel penulis di beberapa majalah dan akhbar tempatan selain menerbitkan buku sendiri. Setakat ini, beliau berjaya menerbitkan 6 buah naskah yang mendapat sambutan yang luar biasa daripada pembaca. Malah, buku nukilan beliau yang bertajuk 11 Amalan Memiliki Kekayaan meraih tempat kedua bagi Anugerah Pilihan Pembaca Popular Berita Harian kategori bukan cereka pada tahun 2019 (Mohamed Anwar et al., 2019).

Perjuangan dakwah Ebit Lew terus berkembang apabila beliau bukan sekadar menerima undangan ceramah di seluruh negara malah beliau turut diundang sehingga ke negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Pakistan dan Thailand. Beliau aktif menjalankan dakwah jalanan di lorong-lorong gelap (Hanapiah, 2020) dan di tempat-tempat awam. Menurut beliau, kerja-kerja dakwah yang dijalankan menjadi lebih bermakna apabila beliau berjaya membuka jalan hidayah kepada seseorang untuk memeluk agama Islam (Ariffin, 2019). Perjuangan beliau telah mendapat pengiktirafan dan liputan yang meluas apabila beliau menerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada 24 Disember 2015 bersamaan 1437H. Pendekatan dakwah Ebit Lew yang lemah lembut dan penuh kasih sayang telah berjaya mengislamkan pelbagai golongan sasaran termasuklah tujuh sekeluarga yang berbangsa Cina di Medan Gopeng, Ipoh dan seramai 747 orang keturunan Bajau Laut dari lima buah kampung di Semporna, Sabah. (Astro Awani, 1 Februari 2021).

2. Konsep Saudara Baru Di Malaysia

Di Malaysia, tadbir urus golongan saudara baru telah diperuntukkan dengan beberapa undang-undang di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan pusat. Bagi menjamin proses pengislaman sah di sisi undang-undang terdapat beberapa prasyarat yang mesti dipatuhi (Abu Bakar et al., 2018). Seseorang yang ingin memeluk Islam perlulah mencapai usia 18 tahun dan melafazkan dua kalimah syahadah sebelum pendaftaran pengislaman dapat dilakukan oleh Pendaftar Muallaf. Saudara baru perlu berperilaku seperti orang Islam yang lain dari saat ia mula memeluk Islam dan dengan itu tertakluk untuk melaksanakan segala kewajipan berdasarkan syarak. Mereka juga mempunyai hak dan perlu dilayani sebagai seorang muslim sama ada dalam perkara harta mahupun jenayah. Secara tuntasnya, tiada perbezaan antara seseorang muallaf dengan orang Islam yang lain dari sudut tuntutan fardhu 'ain mahupun fardhu kifayah.

Berdasarkan Surah At-Taubah, 9:60, mereka merupakan kelompok asnaf yang keempat yang berhak menerima zakat atau sedekah (Zaim et al., 2020). Walaupun begitu, pemberian zakat terhadap saudara baru adalah dikhususkan kepada mereka yang masih baru memeluk Islam. Setelah mereka mencapai keyakinan Islam yang mantap serta dapat menyesuaikan diri sebagai seorang muslim, maka hilanglah kelayakan mereka sebagai muallaf (al-Qaradawi, 2000). Dengan itu, kewajipan zakat ke atas saudara baru hanyalah dikhususkan di saat awal pemelukan Islam sahaja. Mereka juga diberikan wang saguhati dan elaun kehadiran ke kelas-

kelas pengajian sebagai salah satu bentuk galakan dan dorongan (Abu Bakar et al., 2008). Rumah-rumah penempatan sementara juga disediakan oleh pihak MAIN atau JAIN serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) sebagai bantuan perlindungan kepada saudara baru yang terancam atau menghadapi kesulitan hidup.

3. Pendekatan Ebit Lew Dalam Dakwah Saudara Baru

Dalam usaha menyemarakkan dakwah terhadap golongan saudara baru, Ebit Lew sentiasa bersumberkan firman Allah SWT berikut:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِّ لَهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhan-mu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.”

(Surah An-Nahl, 16:125)

Sememangnya terdapat banyak hadis sahih Rasulullah SAW mengenai dakwah yang dijadikan panduan oleh Ebit Liew. Antara yang boleh dipetik disini ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa tidak mempedulikan urusan orang Muslim, maka dia bukanlah daripada golongan orang Islam (al-Tabari, 1985).

Ebit Liew memperincikan pendekatan dakwah kepada tiga jenis *thoriqah dakwah* yang lain. Yang pertama ialah *dakwah qauliyah* yang bererti dakwah secara lisan (*dakwah bil lisan*) (Mohd Zin, 2020). Gerakan dakwah Ebit Lew terhadap saudara baru dilaksanakan dengan menyampaikan ucapan, syarahan agama dan diskusi forum di khalayak ramai. Kesempatan beliau muncul di kaca-kaca televisyen dan di corong-corong radio menjadikan beliau semakin terkenal dan disegani. Kelebihan beliau sebagai seorang pendakwah selebriti menjadikan usaha dakwah beliau semakin mudah menembusi medium penyiaran tanah air dan pada masa yang sama mampu menjangkau golongan bukan Islam semasa menjalankan dakwah jalanan. Hasilnya, bilangan pengikut beliau kini telah mencecah lebih daripada 12.3 juta di laman-laman sosial miliknya.

Selain itu, Ebit Lew di bawah syarikat rundingannya, Transform Training & Consultancy sering menganjurkan pelbagai kursus korporat, rundingan latihan, seminar dan program motivasi bagi sektor-sektor korporat di peringkat jabatan kerajaan serta agensi swasta, institusi-institusi pendidikan dan kemasyarakatan di seluruh negara. Pelbagai modul telah diperkenalkan yang meliputi bidang pembangunan manusia dan kepimpinan model Rasulullah SAW, transformasi pekerja cemerlang, komunikasi berkesan, psikologi dakwah dan modul-modul lain yang disesuaikan berdasarkan keperluan semasa. Kepetahan beliau berbicara secara dua hala bersama para peserta berpotensi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan daya berfikir para peserta bagi menyingkap perubahan diri secara kekal. Program-program dakwah yang dianjurkan adalah bertujuan untuk membawa para peserta kembali kepada fitrah serta memperbaharui keimanan dan amalan sepanjang Hayat (Ebit Liew, 27 November 2019).

Penyebaran dakwah melalui media cetak telah lama dimanfaatkan dalam sejarah ketamadunan dan peradaban manusia di mana ilmu dipelajari dan disebar luaskan sebelum ketibaan era teknologi maklumat. Ebit Lew yang mengabdikan seluruh hidupnya untuk sarana dakwah turut tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam *dakwah kitabiyah* yakni berdakwah melalui penulisan dan mata pena. Karya-karya beliau yang kebanyakannya berkisar mengenai motivasi dan kerohanian telah diterbitkan sejak 10 tahun yang lalu dan laris sambutannya dalam kalangan pembaca. Antaranya *Tangisan Umat* yang diterbitkan pada tahun 2012 dan *11 Amalan Memiliki Kekayaan* yang diterbitkan pada tahun 2018.

Beliau juga pernah menjadi panel di beberapa kolum majalah dan suratkhbar tempatan. Beliau mengambil inisiatif menulis beberapa buah buku berkisarkan pengalaman beliau berdakwah kerana yakin konsep penceritaan sebegini mudah diterima oleh para pembaca. Kisah-kisah inspirasi perjalanan hidayah dan penghijrahan individu-individu tertentu turut diabadikan dalam karya beliau.

Penulisan dakwah Ebit Lew diperluaskan dengan memanfaatkan semua peluang dan ruang yang ada dalam media baru yang berteraskan penggunaan internet. Menurut Mohd Nazif Badruddin (2017), penggunaan media sosial dalam penyebaran dakwah menjadi medium pelengkap kepada media massa

memandangkan ciri-cirinya yang lebih interaktif bagi menggantikan cara lama yang lebih bersifat konvensional. Mesej-mesej dakwah beliau dikongsikan secara maya menggunakan platform Facebook (www.facebook.com/ebitlewofficialpage/), Instagram (www.instagram.com/ebitlew/?hl=en), Twitter (twitter.com/Ebitlew) dan Telegram (@ebitlewchannel) sejajar dengan gaya hidup masa kini. Pencarian dan perolehan maklumat bukan sahaja dapat diakses dengan mudah malah ilmu-ilmu baru dapat dikongsikan serta-merta. Mesej-mesej dakwah beliau juga disertakan dengan foto yang bersesuaian agar intipati dakwah yang ingin disampaikan lebih mudah difahami dan besar pengaruhnya kepada pembaca.

Ebit Lew menyeimbangkan perjalanan dakwah beliau dengan sentiasa menghidupkan *dakwah fi'liyah*. *Fi'liyah* berasal daripada kata dasar *fi'l* yang didefinisikan sebagai kata kerja yang merujuk kepada perbuatan, tindakan atau perlakuan. Maka, *dakwah fi'liyah* adalah segala bentuk gerak-geri yang dilakukan untuk mencapai tujuan dakwah itu sendiri. Medologi dakwah seperti ini juga dikenali sebagai *dakwah bil hal* yang dapat dibangunkan dari sudut akhlak, khidmat dan prasarana (Abdul Razak et al., 2018). Dakwah melalui suri tauladan menjadi asas kekuatan dakwah beliau yang sentiasa diterjemahkan dalam tindakan nyata bagi segenap dimensi kehidupan. Setiap kelakuan dan tindak-tanduk beliau sengaja dirakam dan diperlihatkan untuk tatapan umum agar menjadi asbab hidayah kepada orang lain. Pembawakan akhlak yang mulia menyebabkan beliau amat disenangi dan mudah didekati oleh masyarakat bukan Melayu dan sekaligus menjadi daya tarikan kepada mereka untuk mengenali Islam (Hanapiah, 2020).

Tidak sempurna sesuatu pelaksanaan dakwah apabila kebajikan golongan yang didakwahkan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya sama ada dari aspek rohani atau jasmani (Mohd Zin, 2020). Oleh itu, tanggungjawab membantu golongan yang memerlukan lebih-lebih lagi kepada saudara bukan Muslim yang lemah menjadi salah satu agenda dakwah Ebit Lew. Khidmat bantuan sosial bukan hanya dihulurkan kepada mereka yang daif malah turut diperluaskan kepada individu-individu yang terkesan akibat penularan wabak, bencana alam dan kecelakaan seperti kebakaran dan kemalangan jalan raya. Golongan saudara baru yang tiada perlindungan turut terbela dengan segala ikhtiar beliau untuk menyediakan tempat penginapan yang dapat menjamin kelangsungan hidup mereka. Dorongan praktikal dakwah beliau yang begitu kuat sedikit sebanyak dapat memperkenalkan Islam kepada mereka melalui bantuan khidmat dan prasarana yang disediakan secara tekal dari semasa ke semasa.

4. Cabaran Dakwah Ebit Lew

Pelbagai cabaran telah dilalui oleh Ebit Lew sepanjang berjuang dalam bidang dakwah di tanah air. Sejak beliau berumur 12 tahun, ujian dan dugaan berdakwah datang silih berganti tanpa henti. Semasa beliau di sekolah menengah, terdapat aduan yang dibuat ke atas beliau berikutan kegiatan dakwah yang dijalankan sehingga menyebabkan pihak polis datang ke rumah beliau bagi menjalankan siasatan. Beliau pernah berusaha menyebarkan dakwah dan kebaikan di kawasan pedalaman namun beliau dihalau oleh penduduk di kawasan terbabit. Pengalaman yang sama turut dialami oleh Ebit Lew semasa berdakwah di perkampungan masyarakat Orang Asli. Kehadiran beliau amat tidak disenangi sehingga mengakibatkan beliau diangkat serta dicampakkan ke tanah perkuburan. Tindakan drastik tersebut dilakukan sebagai suatu bentuk penentangan terhadap usaha dakwah beliau yang ingin membawa pengaruh ajaran Islam ke dalam sistem pegangan dan kepercayaan adat resam mereka (Hanapiah, 2020).

Pelbagai cabaran dakwah terpaksa dihadapi oleh Ebit Lew semasa menuntut di universiti. Beliau bersama beberapa orang rakan sering menganjurkan dakwah maraton di kampus. Mereka berdakwah sepanjang hari dan hanya akan berhenti untuk menunaikan kewajipan solat dan makan sahaja (Ahmad, 29 April 2019). Mereka berdakwah dari bilik ke bilik walaupun tidak disukai oleh para penuntut di sana. Beliau pernah dibaling bantal, ditampar dan dipukul oleh pelajar senior kerana mengetuk pintu bilik ketika azan subuh. Beliau juga pernah dimarahi oleh seorang mahasiswa kerana disebabkan beliau, seorang penuntut TESL (*Teaching English as a Second Language*) yang diminati mula berjubah dan kurang berketerampilan seperti dulu.

Kekangan dalam berdakwah bukan sahaja berpunca daripada orang awam atau masyarakat biasa bahkan turut ditimbulkan dalam kalangan orang yang beragama atau mereka yang dihormati atas kealiman mereka. Ebit Lew pernah dimarahi dan dihalau oleh kakitangan masjid kerana dianggap membawa ajaran sesat. Situasi ini menyebabkan campur tangan pihak polis dan guru-guru yang bertegas memberi amaran

kepada anak-anak muda serta beberapa pelajar sekolah yang terlibat agar tidak mendekati beliau. Semasa berusia 20 tahun, beliau pernah dipukul dan dibalut dengan kain guni sebelum kepala beliau ditelangkupkan dengan baldi yang berisi dengan air oleh beberapa individu yang ingin menghalang usaha dakwah beliau. Cabaran semasa berdakwah di sempadan India dan Pakistan juga tidak kurang hebatnya apabila visa beliau diconteng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab malahan berusaha untuk memasukkan beliau ke dalam penjara (Annura Channel, 31 Oktober 2018).

5. Solusi Dakwah Saudara Baru

Bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam dakwah saudara baru di Malaysia, maka wajarlah berbalik kepada apa yang telah disyariatkan dalam agama. Hukum melaksanakan tuntutan dakwah adalah wajib ke atas setiap individu Muslim. Allah SWT berfirman:

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٠٤

Maksudnya: “Dan hendaklah di antara kamu ada segolongan orang yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung.”

(Surah Ali-Imran, 3:104).

Perintah “*yad’una ilal khair*” dalam ayat di atas bukan sahaja tertumpu kepada sesetengah kelompok umat Islam malah merujuk kepada setiap orang mukmin yang *mukalaf* (Mohd Milatu, 1989). Apabila seseorang sudah mencapai akil baligh serta sempurna akal fikirannya, maka kewajipan melaksanakan *amar makruf* dan *nahi mungkar* telah dipertanggungjawabkan ke atasnya. Sebagaimana kita diperintahkan untuk mendirikan solat, berpuasa dan mengeluarkan zakat maka begitulah juga halnya dengan menyambung tugas dakwah para *anbiya’* ini. Setiap daripada kita berperanan untuk mengisi jiwa-jiwa yang kosong dengan ajakan keimanan dan ketauhidan kepada Allah SWT.

Oleh hal yang demikian, seharusnya perlu diberikan sokongan segala usaha dakwah yang dijalankan oleh mana-mana individu atau pertubuhan dakwah. Usaha mereka patut dipuji kerana banyak masa, tenaga dan wang ringgit yang telah dikorbankan selama ini semata-mata untuk kepentingan dakwah. Agenda dakwah sentiasa diutamakan agar keindahan ajaran Islam dapat dikongsikan secara berterusan dengan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan boleh disalurkan kepada badan-badan dakwah tanah air supaya gerak kerja dakwah yang diusahakan dapat dijamin kelangsungannya. Dengan demikian, tiada seorang Muslim pun yang tidak menjalankan *amar makruf* dan *nahi mungkar* dan tiada seorang pun dalam kalangan masyarakat setempat yang tidak menerima seruan keimanan kepada Allah SWT.

Tuntasnya, solusi dakwah saudara baru yang amat perlu diketengahkan sekarang ini ialah pendekatan dakwah yang pro aktif bukan sahaja terhadap saudara baru bahkan terhadap semua golongan seperti gelandangan, pelacur, golongan LGBT, penagih dadah dan sebagainya. Karenah birokrasi dalam menjalankan dakwah perlu dikurangkan. Inilah yang cuba ditunjuk oleh Ebit Liew dalam dakwahnya dan kaedah seperti ini sepatutnya disokong dan dicontohi oleh pendakwah lain.

Kesimpulan

Dalam rangka menjadi seorang Muslim yang sejati hendaklah akur dengan kefardhuan berdakwah. Keimanan seseorang itu belum meraih kesempurnaan jika kewajipan berdakwah tidak dititik beratkan dalam amalan seharian. Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, dakwah terhadap saudara baru sepatutnya menjadi agenda utama di pelbagai tahap pentarbiyahan. Mereka sebenarnya merupakan duta-duta terpilih bagi menyampaikan keindahan ajaran Islam dalam kalangan kaum kerabat mereka yang masih menganuti agama asal. Pelbagai cabaran hidup yang dilalui setelah mereka memeluk Islam tidak seharusnya diabaikan. Mereka amat mengharapkan sokongan dan bantuan yang sewajarnya bagi mengukuhkan keimanan dan pendirian mereka sebagai muslim sejati sebelum mereka dapat menyumbang pula dalam kesinambungan dakwah tanah air. Selain penglibatan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam dakwah saudara baru, Ebit Lew yang lebih dikenali sebagai pendakwah selebriti turut merencanakan usaha dakwah di tengah-tengah masyarakat berbilang kaum di negara kita. Beliau menggunakan segala kudrat dan kesempatan yang ada untuk turun ke lapangan bagi mendekati dan menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat bukan Islam luar sana. Selain

itu, beliau sering memanfaatkan pelbagai platform media sosial sedia ada bagi memudahkan penyampaian dakwah secara maya. Keberadaan beliau di jalan dakwah sering menarik perhatian warganet serta mudah diikuti oleh pelbagai golongan sasaran. Oleh itu, ketokohan Ebit Lew dalam dakwah saudara baru wajar dicontohi supaya pembentukan sebuah masyarakat muslim dalam kalangan saudara baru yang dinamik dapat direalisasikan.

Penghargaan: Pengarang melalui projek penyelidikan FRGS/1/2021/SS10/USM/02/6 merakamkan penghargaan kepada pembiaya Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperolehi daripada semua pihak atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abang Abai, D. S. (2020). Bentuk bantuan modal agihan zakat asnaf dan pencapaian usahawan asnaf di Malaysia: kajian empirikal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 93 - 99. doi: 10.47405/mjssh.v5i1.353.
- Abdullah. (2012). *Pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka dan M. Natsir: Kajian terhadap dakwah kultural dan struktural*. Kata Pengantar oleh Muhammad Azizan Sabjan. Citapustaka Media Perintis, 1-6.
- Abdul Razak, A. A. & Abdul Rahim, M. H. (2018). Falsafah dakwah bil hal: Menurut perspektif al-Quran. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 9, 1-17.
- Abu Bakar, S. A. & Ismail, S. Z. (2008). Undang-undang pemelukan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 26(3), 297-322.
- Abu Bakar, S. A. & Ismail, S. Z. (2018). Pengurusan mualaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Al- 'Abqari*, 16(Edisi Khas), 133-155.
- Ahmad, M. (2015, April 29). Dibelasah, ditampar ajak solat subuh. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/04/50526/dibelasah-ditampar-ajak-solat-subuh>
- Al-Jurdani, M. A. (1990). *Fath al-a 'lam*. Dar al-Salam.
- Al-Qaradawi, Y. (2000). *Fiqh Al-Zakah*. Dar Al-Fikr.
- Al-Quran Al-Karim. (2007). *Al-Quran darul iman*. Pustaka Darul Iman.
- Al-Ṭabarī, A.Q. (1985). *al-Mu 'jam al-saghīr al-tabarī*. Dar Amma.
- Annura Channel. (2018, Okt 31). *Kisah sedih ibu ustaz ebit lew meninggal dunia – Saya hilang satu semangat besar dalam hidup saya*. <https://youtu.be/jq7zJe2gS7Q>.
- Ariffin, A. (2019, Dis 24). *Begitulah hidayah - Ebit Lew panjat kesyukuran lelaki bertatu masuk Islam*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/begitulah-hidayah-ebit-lew-panjat-kesyukuran-lelaki-bertatu-masuk-islam-226176>.
- Astro Awani. (2021, Feb 1). *Ebit Lew Islamkan satu kampung di Sabah*. www.astroawani.com/berita-malaysia/ebit-lew-islamkan-satu-kampung-di-sabah-280672.
- Aziz, M. A. (2004). *Ilmu Dakwah*. Prenada Media.
- Hanapiah, A. (2020, April 24). *Mula masuk Islam sejak umur 12 tahun, Ini biodata lengkap pendakwah bebas, ustaz ebit lew*. https://says.com/my/seismik/mula_masuk-islam-sejak-umur-12-tahun-ini-biodata-lengkap-pendakwah-bebas-ustaz-ebit-lew.
- Jalal, B. Ismail, A. S. & Ab Ghani, S. (2018). Pendekatan dakwah untuk cabaran masa depan: Satu sorotan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(1), 23-33.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. UTM: Fakulti Tamadun Islam. 2.
- Lew, E. (2012). *Tangisan umat*. Transform Publication.

- Lew, E. (2018). *11 amalan memiliki kekayaan*. Transform Publication.
- Lew, E. (2019, Nov 27). *Hidayah Allah – keluarga sunnah*. <https://www.youtube.com/watch?v=5FKsRdBxQsI>.
- Mohamed Anwar, S. F. & Arifin, L. (2019, 1 Jun). Karya berunsur agama unggul anugerah pilihan pembaca popular. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/06/570434/karya-berunsur-agama-unggul-anugerah-pilihan-pembaca-popular-bh>
- Mohd Milatu, A. S. (1989). *Juz 4 tafsir al-Quran*. Pustaka Al-Mizan.
- Mohd Zin, A. A. (2001). *Metodologi dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zin, A. A. (2020). *Psikologi dalam dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Puteh, A. (2005). *Masa depan saudara baru. Harapan, realiti & cabaran*. Penerbit Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Talib, A. R. (2019). Penilaian kelayakan asnaf fakir dan miskin berdasarkan had kifayah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 23-39.
- Zaidan, A. K. (1992). *Usul Al-Dakwah*. Dar al-Wafa'.
- Zaim, N. H. & Mohd Kusrin, Z. (2020). *Sokongan terhadap saudara baru menurut syarak, isu syariah & undang-undang siri 20*. UKM: Jabatan Syariah.